



KEMENTERIAN DALAM NEGERI



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN

27 Februari 2024 (Selasa)

RINGKASAN MEDIA BERITA

Ringkasan Liputan

**267**

Jumlah Liputan Media Berita

Sorotan Liputan

- TOPIK 1** MAJIKAN ABAI 93 PEKERJA BANGLADESH BERDEPAN TINDAKAN TEGAS
- TOPIK 2** TITAH AGONG BERI ISYARAT JELAS TINGKAT PERPADUAN, JAGA KESTABILAN POLITIK
- TOPIK 3** DEDAHKAN KANDUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN KEWARGANEGARAAN, WANITA MCA MEMBERITAHU KEMENTERIAN DALAM NEGERI
- TOPIK 4** KERAJAAN TARIK BALIK RAYUAN HALANG ISTERI AMRI DAPATKAN LAPORAN OSA
- TOPIK 5** NOTIS PEMAKLUMAN BERKENAAN PENGANJURAN HIMPUNAN #BERSIH100% TIDAK MEMENUHI SYARAT YANG DITETAPKAN APA
- TOPIK 6** DUA NELAYAN ASAL ACEH BEBAS DAN DIPULANGKAN KE TANAH AIR
- TOPIK 7** PDRM SARAWAK BERUSAHA KERAS MENANGANI PENINGKATAN KES JENAYAH KOMERSIAL, PENYALAHGUNAAN DADAH
- TOPIK 8** JIM JOHOR MENAHAN WARGA ASING MENERUSI OPS BERSAMA
- TOPIK 9** LIMA SUSPEK KES PUKUL PEMANDU HINGGA MATI AKAN DIDAKWA
- TOPIK 10** BOT BERSAMA DUA NELAYAN MYANMAR DITAHAN
- TOPIK 11** JIPS SIASAT TINDAKAN JURUIRING TAHAN KENDERAAN BERAT SECARA TIBA-TIBA
- TOPIK 12** CUBAAN SELUDUP MINYAK MASAK BERSUBSIDI KE NEGARA JIRAN GAGAL
- TOPIK 13** PENYEBARAN NOTA DIPLOMATIK KERAJAAN MAGHRIBI DISIASAT
- TOPIK 14** AHLI SINDIKET TELAN PIL KUDA SEBELUM SELUDUP PATI
- TOPIK 15** PDRM SEMAK PROSES PENGAMBILAN DI TENGAH KEBIMBANGAN INTEGRITI, UMUM KPN
- TOPIK 16** SEMPADAN MALAYSIA MUDAH DICEROBOH
- TOPIK 17** LBS FOUNDATION BINA DEWAN DI IPD PETALING JAYA



KEMENTERIAN DALAM NEGERI



02

TOPIK BERKAITAN KDN & AGENSI

SOCIO

MAJIKAN ABAI 93 PEKERJA BANGLADESH BERDEPAN TINDAKAN TEGAS



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



26

JUMLAH LIPUTAN MEDIA BERITA

OUTLET

selangorkini

Selangor Kini

[\[Pautan\]](#)

Kosmo!

Kosmo!

[\[Pautan\]](#)

MG

Malaysia Gazette

Malaysia Gazette

[\[Pautan\]](#)

mk

Malaysia Kini

[\[Pautan\]](#)

The Star

The Star

[\[Pautan\]](#)

NEW STRAITS TIMES

New Straits Times

[\[Pautan\]](#)**PENGENALAN**

KUALA LUMPUR: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Putrajaya dan Pejabat Strategik Nasional Majlis AntiPemerdagangan Orang dan Antipenyuludupan (NSO MAPO) berjaya menyelamatkan seramai 93 pekerja warga Bangladesh yang dilaporkan terabai dalam satu operasi di Cheras. Mangsa yang diselamatkan dibawa ke **JIM Putrajaya** untuk urusan dokumentasi sebelum dibawa ke majistret untuk mendapatkan perintah perlindungan interim.

BADAN ARTIKEL

Dalam pada itu, **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengambil tindakan tegas terhadap syarikat Pembinaan Ricoler Sdn Bhd kerana mengabaikan 93 pekerja asing warga Bangladesh yang dibawa masuk pada November 2023. **Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail** dan Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong dalam kenyataan bersama berkata, **KDN** dan KSM telah melancarkan siasatan dan mendapati pekerja terbabit terbiar tanpa disediakan pekerjaan dan penginapan yang kondusif oleh majikan mereka.

Menurut kenyataan **Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail** dan Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong, Syarikat Pembinaan Ricoler Sdn Bhd dilaporkan gagal menjaga kebajikan pekerja-pekerja ini dari segi tempat tinggal dan makan minum. Mengikut rekod, Syarikat Pembinaan Ricoler Sdn Bhd merupakan syarikat yang telah membawa pekerja warga Bangladesh masuk pada November 2023. Menurut kenyataan **KDN** dan KSM lagi, terdapat enam tindakan tegas yang akan dan sedang diambil oleh kedua-dua kementerian terhadap majikan terbabit antaranya ialah mengikut Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) kerana kegagalan majikan menyediakan kemudahan penginapan kepada pekerja. Tindakan lain ialah mengikut Akta Kerja 1955 (Akta 265) kepada majikan kerana kegagalan membayar gaji kepada pekerja, menyenaraihitamkan syarikat yang terbabit daripada menggajikan pekerja asing pada masa hadapan dan membekukan baki kuota yang diperoleh syarikat terbabit. Selain itu, siasatan di bawah Seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyuludupan Migran 2007 (Akta 670) terhadap majikan dan tindakan di bawah Akta Pasport 1966 (Akta 150) kerana majikan dipercayai memegang pasport pekerja.

KESIMPULAN

Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail dan Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keon akan memberi amaran tegas kepada semua majikan yang menggajikan pekerja asing agar sentiasa menjaga kebajikan pekerja serta mematuhi lunas perundangan negara.

SPOKESPERSON

Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keon

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. KDN
2. JIM
3. MAPO

Pihak Sekunder

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM)
2. Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keon
3. Syarikat Pembinaan Ricoler Sdn Bhd

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



26

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET

SCOOP

Scoop

[\[Pautan\]](#)

theSun daily

The Sun Daily

[\[Pautan\]](#)

mk

Malaysia Kini

[\[Pautan\]](#)

Bernama

[\[Pautan\]](#)

Wilayahku

[\[Pautan\]](#)

LUMI

Lumi News

[\[Pautan\]](#)**PENGENALAN**

KUALA LUMPUR: Titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ke-15 disifatkan sarat dengan peringatan dan nasihat untuk Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

BADAN ARTIKEL

Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail berkata, titah Seri Paduka Baginda tersebut secara tidak langsung memberi ingatan kepada semua Ahli Parlimen (MP) Dewan Rakyat supaya tidak mengganggu-gugat pentadbiran kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Sementara itu, **Timbalan Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah** berkata, Seri Paduka Baginda dengan jelas menekankan kepentingan menjaga kebajikan rakyat dan kerajaan perlu memberikan keutamaan dalam semua aspek pembangunan negara demi kemakmuran negara.

Terdahulu, Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar menzahirkan peringatan, nasihat dan pandangan dalam pelbagai topik. Antaranya melibatkan tingkah laku Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam persidangan, keperluan merangka dasar kukuh perpaduan negara, isu karenah birokrasi, hutang negara dan kestabilan politik.

KESIMPULAN

Ahli Dewan Negara melihat titah Seri Paduka Baginda sebagai satu mesej bagi meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dipertingkatkan serta memastikan rakyat dapat hidup kekal harmoni selain mahu melihat kestabilan politik di negara ini demi memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.

SPOKESPERSON

Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Timbalan Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. KDN

Pihak Sekunder

1. Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar
2. Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



3

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET



The Star
[\[Pautan\]](#)

PENGENALAN

MALAYSIA: Kandungan draf cadangan **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** berkenaan Rang Undang-undang (RUU) Pindaan Kewarganegaraan sehingga kini masih belum didedahkan sepenuhnya secara umum. Wanita Persatuan Cina Malaysia (MCA) menyatakan bahawa orang ramai berhak mengetahuinya agar mereka dapat mengukur dan memahami perkembangan pindaan tersebut.

BADAN ARTIKEL

Menteri Dalam Negeri YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail memaklumkan bahawa beliau akan mengemukakan draf cadangan mengenai RUU Pindaan Kewarganegaraan kepada Kabinet pada 8 Mac. Bagaimanapun, sehingga kini cadangan pindaan sebenar masih belum tersedia. Sebanyak 92 pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) dan badan hak asasi manusia telah bersama-sama menggesa Kabinet untuk mendedahkan 'Green Paper' dan draf cadangan berkenaan RUU Pindaan Kewarganegaraan tersebut.

Mengenai pandangan, cadangan dan maklum balas mengenai cadangan perubahan Perlembagaan Persekutuan, Wanita MCA menghargai tindakan tersebut kerana kerajaan bersedia menerima maklum balas orang ramai. Namun, sehingga kini tiada maklum balas berkenaan pindaan tersebut. Wanita MCA berharap RUU Pindaan Kewarganegaraan yang bercadang membenarkan kewarganegaraan oleh Ibu Malaysia kepada bayi mereka yang dilahirkan di luar negara akan berjaya diluluskan oleh Kabinet dan di Dewan Rakyat.

KESIMPULAN

Sehubungan dengan itu, Wanita MCA yakin bahawa **KDN** dan Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) benar-benar mampu mencadangkan pindaan yang selaras dengan keadaan negara, munasabah, adil dan boleh dilaksanakan.

SPOKESPERSON

Media

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. **KDN**

Pihak Sekunder

1. Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)
2. Wanita Persatuan Cina Malaysia (MCA)
3. Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO)

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



3

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET



Malaysia Kini

[\[Pautan\]](#)


Malaysians Must Know
the Truth (Blog)

[\[Pautan\]](#)


KTemoc Konsiders

[\[Pautan\]](#)
PENGENALAN

PUTRAJAYA: Keputusan untuk menarik balik permohonan di Mahkamah Rayuan mengenai akses terhad kepada laporan pasukan petugas khas menandakan perkembangan penting dalam usaha mencari keadilan bagi kes kehilangan Amri bin Che Mat. Tindakan ini memberi harapan kepada Norhayati binti Mohd Ariffin, isteri mangsa untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai kehilangan suaminya.

BADAN ARTIKEL

Peguam yang mewakili Norhayati binti Mohd Ariffin iaitu Surendra Ananth telah mengesahkan bahawa kerajaan dan pihak **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** telah memfailkan notis pemberhentian rayuan di Mahkamah Rayuan menandakan penarikan balik permohonan tersebut. Tindakan ini membolehkan mangsa tersebut untuk menerima akses terhad kepada laporan rayuan meskipun dalam kapasiti terhad. Permohonan tersebut awalnya dibuat untuk menyokong saman yang difailkan oleh Norhayati binti Mohd Ariffin terhadap polis dan kerajaan berhubung kehilangan suaminya iaitu Amri bin Che Mat.

Terdahulu, pada 26 Jun 2019 dua bulan selepas Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) memutuskan bahawa Amri adalah mangsa kehilangan paksa oleh pihak polis, **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** telah membentuk pasukan petugas khas untuk menyiasat semula perkara itu. Bagaimanapun, kekurangan maklumat terkini mengenai laporan itu menyebabkan kumpulan masyarakat sivil 'The Citizens Against Enforced Disappearances' (Caged) pada 2021 menggesa kerajaan mengeluarkan penemuan pasukan petugas itu.

KESIMPULAN

Penarikan balik permohonan di Mahkamah Rayuan adalah langkah yang memperlihatkan komitmen untuk memberikan akses terhad kepada maklumat yang penting dalam kes kehilangan Amri bin Che Mat. Meskipun masih terdapat kekurangan maklumat mengenai laporan pasukan petugas khas, tindakan ini membawa harapan kepada Norhayati dan keluarga mangsa untuk mendapatkan keadilan. Ini adalah langkah positif dalam usaha mencari kebenaran dan memastikan akauntabiliti dalam kes-kes kehilangan secara paksa di negara ini.

SPOKESPERSON

Media

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. KDN
2. PDRM

Pihak Sekunder

1. 'The Citizens Against Enforced Disappearances' (Caged)
2. Peguam Surendra Ananth
3. Norhayati binti Mohd Ariffin
4. Amri bin Che Mat

NOTIS PEMAKLUMAN BERKENAAN PENGANJURAN HIMPUNAN #BERSIH100% TIDAK MEMENUHI SYARAT YANG DITETAPKAN APA



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



42

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET



Malaysia Gazette

[\[Pautan\]](#)

1Media.My

TEPAT, TELUS, TERKINI

1Media.My

[\[Pautan\]](#)

The Rakyat Post

[\[Pautan\]](#)

1Media.My

TEPAT, TELUS, TERKINI

1Media.My

[\[Pautan\]](#)

Nestia

[\[Pautan\]](#)

The Star

[\[Pautan\]](#)**Pengenalan**

KUALA LUMPUR: Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) mengesahkan **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** tidak memaklumkan sama ada himpunan tuntutan #Reformasi100Peratus di Parlimen pada Selasa diluluskan atau tidak. Wakil BERSIH Asraf Sharafi bin Mohd Azhar berkata, pihaknya tidak memberi apa-apa keputusan berhubung notis pemakluman yang diserahkan kepada **PDRM** pada Isnin ini.

Badan Artikel

Wakil BERSIH Asraf Sharafi bin Mohd Azhar memaklumkan bahawa pihaknya sudah mencapai persetujuan untuk mengelakkan sebarang provokasi. BERSIH yang diwakili pengerusi badan pemantau pilihan raya itu, Muhammad Faisal bin Abdul Aziz dan Asraf Sharafi bin Mohd Azhar ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi bagi menyerahkan pemakluman mengenai penganjuran himpunan yang akan diadakan pada Selasa di bangunan Parlimen.

Serahan notis berkenaan sebagai jawapan kepada kenyataan **Ketua Polis Kuala Lumpur Komisioner Polis (CP) Datuk Allaudeen bin Abdul Majid** yang berkata, **PDRM** tidak menerima sebarang pemberitahuan berhubung penganjuran Perhimpunan Tuntutan Reformasi 100% pada Selasa. Namun demikian, notis pemakluman berkenaan penganjuran himpunan #Reformasi100% tidak memenuhi syarat yang ditetapkan Akta Perhimpunan Aman (APA). Jelas **Ketua Polis Kuala Lumpur Komisioner Polis (CP) Datuk Allaudeen bin Abdul Majid**, notis bersama dokumen-dokumen tertentu harus diberi lima hari sebelum berhimpun.

Terdahulu, BERSIH merancang mengadakan himpunan itu pada Selasa dan menyerahkan memorandum bagi mendesak kerajaan menunaikan janji melaksanakan reformasi 100%. Antara permintaan mereka menggesa kerajaan menambah baik perlindungan terhadap pemberi maklumat dan membuka akses terhadap maklumat kerajaan. Kedua, menetapkan had tempoh jawatan Perdana Menteri yang merupakan sebahagian daripada manifesto pilihan raya Parti Pakatan Harapan (PH). Satu lagi perkara berkaitan Akta Hasutan, selaras dengan janji pilihan raya PH untuk menyemak semula dan memansuhkan undang-undang yang dilihat zalim.

Kesimpulan

Notis pemakluman berkenaan penganjuran himpunan #Reformasi100% tidak memenuhi syarat yang ditetapkan Akta Perhimpunan Aman (APA) membuktikan bahawa BERSIH tidak layak dan tidak wajar untuk meneruskan perhimpunan yang akan berlangsung pada Selasa.

SPOKESPERSON

Ketua Polis Kuala Lumpur Komisioner Polis (CP) Datuk Allaudeen bin Abdul Majid, Wakil BERSIH Asraf Sharafi bin Mohd Azhar

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi1. **PDRM****Pihak Sekunder**

1. Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH)
2. Parti Pakatan Harapan (PH)
3. Wakil BERSIH Muhammad Faisal bin Abdul Aziz
4. Wakil BERSIH Asraf Sharafi bin Mohd Azhar

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



21

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET



KEMLU.ID

[\[Pautan\]](#)

Medcom.ID

[\[Pautan\]](#)

Nukilan.Id

[\[Pautan\]](#)

ipol.id

[\[Pautan\]](#)

Atjeh Watch

[\[Pautan\]](#)

goIndonesia.co

Go Indonesia

[\[Pautan\]](#)**PENGENALAN**

PULAU PINANG: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Kedah telah membebaskan dua nelayan asal Aceh yang mengalami insiden hanyut di perairan Kedah akhirnya tiba dengan selamat di tanah air selepas proses perbincangan dan komunikasi **Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Muda** bersama Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRI) Pulau Pinang dilakukan.

BADAN ARTIKEL

Susulan penangkapan dua nelayan tersebut pada 12 Februari 2024 lalu atas kesalahan memasuki perairan wilayah Malaysia tanpa dokumen yang sah, satu pertemuan telah dilakukan oleh Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRI) Pulau Pinang bersama **PDRM** di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda, Kedah. Dalam pertemuan itu, KJRI Pulau Pinang menyatakan bahawa kedua-dua nelayan terbabit secara tidak sengaja memasuki perairan Malaysia disebabkan oleh kerosakan enjin bot yang mereka naiki. Pemulangan kedua-dua nelayan terbabit dilakukan pada 25 Februari 2024 dengan menggunakan pesawat dari laluan Pulau Pinang ke Medan, Indonesia.

Menurut maklumat yang diterima daripada dua nelayan itu, mereka berlayar dari Aceh utara pada 31 Januari 2024 untuk mencari ikan. Pada 1 Februari 2024, bot yang mereka naiki mengalami kegagalan enjin menyebabkan bot tersebut dibawa arus dan hanyut ke perairan Malaysia. Bot itu kemudiannya diselamatkan oleh **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kedah** pada 3 Februari 2024.

KESIMPULAN

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Kedah telah membebaskan dua nelayan Aceh hasil perbincangan yang dilakukan bersama **PDRM Kuala Muda** dan KJRI Pulau Pinang yang merupakan hasil kerjasama baik antara kedua-dua pihak.

SPOKESPERSON

Media

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. JIM
2. PDRM
3. APMM

Pihak Sekunder

1. Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRI) Pulau Pinang

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



7

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET



Bernama
[\[Pautan\]](#)



The Sun Daily
[\[Pautan\]](#)



Utusan Borneo Online
[\[Pautan\]](#)



Malaysia Gazette
[\[Pautan\]](#)



Media Permata
[\[Pautan\]](#)



The Malay Tribune
[\[Pautan\]](#)

PENGENALAN

SIBU: Polis Diraja Malaysia (PDRM) berusaha keras menangani peningkatan kes jenayah komersial dan penyalahgunaan dadah di Sarawak khususnya di Sibu.

BADAN ARTIKEL

Pesuruhjaya Polis Sarawak Deputy Komisioner Polis (DCP) Dato' Macha Ata berkata berdasarkan statistik **Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Sarawak**, jumlah kes jenayah komersial dicatatkan pada 2023 ialah 2,958 kes berbanding 2,461 kes pada 2022. Jelas beliau, kerugian dialami masyarakat juga meningkat kepada RM117,064,580.71 pada 2023 berbanding RM65,884,824.19 pada 2022. Daerah Sibu turut menyaksikan peningkatan ketara dengan 615 kes jenayah komersial direkodkan pada 2023 berbanding 444 kes pada tahun sebelumnya. Kerugian dilaporkan mencapai RM16,032,957.72 meningkat daripada RM7,740,531.39 dicatatkan pada 2022.

Namun demikian, **PDRM Sarawak** berusaha keras menangani peningkatan kes jenayah komersial dan penyalahgunaan dadah apabila **Pesuruhjaya Polis Sarawak Deputy Komisioner Polis (DCP) Dato' Macha Ata** memberitahu **Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN)** juga mencatat peningkatan tangkapan dadah di daerah Sibu dengan 1,152 tangkapan pada 2023 berbanding 895 tangkapan pada 2022. Jelas beliau, **PDRM** terus menekankan komitmen mereka melalui **JSJN** dalam usaha memerangi dadah. Selain itu, program kepolisan komuniti turut diperluas untuk meningkatkan kesedaran dan melibatkan masyarakat bagi memberi maklumat berkaitan aktiviti pengedaran dan penyalahgunaan dadah. Beliau juga memohon masyarakat Sarawak, khususnya di daerah Sibu bekerjasama dengan pihak berkuasa melawan jenayah tersebut. Ini kerana, kesedaran jenayah itu bukan sahaja perlu dipertingkatkan tetapi melibatkan diri secara aktif untuk melaporkan dan mencegah peningkatan jenayah.

Dalam pada itu, **Pesuruhjaya Polis Sarawak Deputy Komisioner Polis (DCP) Dato' Macha Ata** berharap pengenalan 'National Scam Response Centre' (NSRC) dan aplikasi 'Whoscall' diharapkan dapat membantu masyarakat mengidentifikasi dan menghindari penipuan siber. Selain itu, talian NSRC (997) dan aplikasi teknologi seperti 'Whoscall' juga diharapkan dapat menjadi alat berguna bagi masyarakat melibatkan diri dalam usaha pencegahan jenayah. Tambah beliau, orang ramai juga boleh memanfaatkan kemudahan aplikasi 'Check Scammers Commercial Crime Investigation Department' (CCID) untuk menyemak nombor telefon dan akaun bank mencurigakan sebelum melakukan transaksi kewangan.

KESIMPULAN

Walaupun statistik daripada **Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Sarawak** menunjukkan peningkatan pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya, **PDRM Sarawak** tetap berusaha keras dalam memastikan peningkatan kes jenayah komersial dan penyalahgunaan dadah di Sarawak menurun.

SPOKESPERSON

Pesuruhjaya Polis Sarawak Deputy Komisioner Polis (DCP) Dato' Macha Ata

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. PDRM

Pihak Sekunder

Tiada

JIM JOHOR MENAHAN WARGA ASING MENERUSI OPS BERSAMA



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



4

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET

Kosmo!

Kosmo!
[\[Pautan\]](#)

LUMI

Lumi News
[\[Pautan\]](#)The
malay tribuneThe Malay Tribune
[\[Pautan\]](#)BH
Berita HarianBerita Harian
[\[Pautan\]](#)**PENGENALAN**

JOHOR BHARU: Tindakan seorang lelaki warga Singapura tinggal lebih masa di negara ini sejak 2011 berakhir apabila dia antara lima warga asing ditahan **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor** dalam Ops Bersama yang dijalankan Ahad lalu.

BADAN ARTIKEL

Pengarah JIM Johor Tuan Baharuddin bin Tahir berkata, lelaki berusia 34 tahun itu ditahan kira-kira pukul 9.30 pagi di Jalan Wadihana. Menurutnya, lelaki itu ditahan bersama seorang lelaki Bangladesh kerana melanggar syarat pas yang ditetapkan. Jelas beliau, tindakan diambil susulan aduan awam berhubung kegiatan membina struktur kedai di atas rizab awam tanpa kebenaran dan kewujudan warga asing di Jalan Wadihana, Johor Bahru.

Dalam operasi di sekitar Pasir Gudang pula, **JIM** telah menahan dua lelaki warga Indonesia dan seorang lelaki warga Pakistan kerana tidak memiliki sebarang pas atau permit yang sah untuk berada di Malaysia. **Pengarah JIM Johor Tuan Baharuddin bin Tahir** berkata, kesemua mereka dipercayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) kerana tidak memiliki sebarang pas atau permit yang sah untuk berada di Malaysia. Mereka turut melakukan kesalahan dibawah Seksyen 15 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) kerana tinggal lebih masa dan Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 kerana melanggar syarat pas yang ditetapkan. Ujar beliau, sebanyak satu notis untuk hadir ke pejabat dikeluarkan kepada individu dalam operasi tersebut bagi membantu siasatan.

KESIMPULAN

Pengarah JIM Johor Tuan Baharuddin bin Tahir memaklumkan kesemua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika untuk siasatan dan tindakan lanjut.

SPOKESPERSON

Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor Tuan Baharuddin bin Tahir

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi1. **JIM****Pihak Sekunder**

Tiada

LIMA SUSPEK KES PUKUL PEMANDU HINGGA MATI AKAN DIDAKWA



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



4

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET



Warta Oriental
[\[Pautan\]](#)



Neotizen News
[\[Pautan\]](#)



TV3
[\[Pautan\]](#)



Astro Awani
[\[Pautan\]](#)

PENGENALAN

PETALING JAYA: Lima lelaki yang sebelum ini direman kerana disyaki memukul seorang pemandu kereta sehingga mati dalam kejadian di Taman Pelangi Semenyih 2, Kajang pada 20 Februari 2024 akan didakwa pada Selasa ini.

BADAN ARTIKEL

Menurut **Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Polis (ACP) Mohd. Zaid bin Hassan** berkata, seramai lima suspek akan dituduh di Mahkamah Bandar Baru Bangi pada 27 Februari 2024 iaitu pada Selasa ini. Difahamkan kesemua suspek yang dituduh berusia antara 22 hingga 52 tahun yang direman lima hari sebelum dilanjutkan perintah reman selama empat hari pada Ahad lalu.

Terdahulu, media melaporkan **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** turut menahan dua lagi lelaki berusia 22 dan 39 tahun di Kajang kerana dipercayai terbabit dalam kejadian itu. Ini susulan kejadian seorang lelaki tempatan berusia 42 tahun maut disyaki dipukul serta diikat sekumpulan lelaki di kawasan Taman Pelangi Semenyih 2 pada Selasa lalu. Kejadian tragis itu berlaku selepas lelaki yang memandu Proton Saga Kelabu itu kemalangan dengan penghantar makanan. Sejurus kemalangan itu, mangsa dikejar orang awam hingga ke Taman Pelangi Semenyih 2 sebelum keretanya terbabas dan melanggar pagar kawasan perumahan. Susulan itu, **PDRM** menahan lima lelaki tempatan berusia 22 hingga 52 tahun di sekitar Kajang dan Semenyih beberapa jam selepas kejadian.

KESIMPULAN

Tindakan mendakwa lima lelaki yang sebelum ini direman kerana disyaki memukul seorang pemandu kereta sehingga mati merupakan satu tindakan yang tepat kerana memukul sehingga menyebabkan kematian merupakan satu kesalahan jenayah.

SPOKESPERSON

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Polis (ACP) Mohd. Zaid bin Hassan

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. PDRM

Pihak Sekunder

Tiada

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



3

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET

MALAY.NEWS

Malay.News

[\[Pautan\]](#)The
malay tribune

The Malay Tribune

[\[Pautan\]](#)

Malaysia Gazette

[\[Pautan\]](#)**PENGENALAN**

KUALA KURAU: Pada Sabtu lalu, pasukan peronda **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kurau** telah menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas A di sekitar Muara Kuala Gula Perak. Bot tersebut telah dikesan oleh pasukan **APMM** yang sedang melakukan rondaan rutin di perairan Kerian dan Larut Matang.

BADAN ARTIKEL

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Kurau Komander Maritim Mohd Najhan bin Azman Hamid memaklumkan bahawa hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati bahawa bot tersebut memiliki lesen kebenaran menjalankan aktiviti perikanan yang sah. Namun, bot tersebut tidak diusahakan sendiri oleh pemilik bot. Sebaliknya, bot tersebut telah dikendalikan oleh dua nelayan warga Myanmar yang tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah. Bukan itu sahaja, pemilik juga tidak mendapat kebenaran untuk menggunakan kru warga asing daripada Jabatan Perikanan Malaysia (JPM). Oleh itu, **APMM** telah menahan dua nelayan warga Myanmar yang terlibat serta merampas bot dan peralatan menangkap ikan yang digunakan. Kes disiasat di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

KESIMPULAN

APMM Zon Maritim Kuala Kurau telah menahan sebuah bot nelayan tempatan yang dikendalikan oleh dua nelayan warga Myanmar di sekitar Muara Kuala Gula Perak pada Sabtu yang lepas. Hasil pemeriksaan mendapati bahawa kedua-dua nelayan warga Myanmar terbabit tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah. Di samping itu, bot nelayan yang dikendalikan oleh mereka juga tidak mendapat kebenaran untuk menggajikan kru warga asing daripada DOF.

SPOKESPERSON

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kurau Komander Maritim Mohd Najhan bin Azman Hamid

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. **APMM**

Pihak Sekunder

1. Jabatan Perikanan Malaysia (JPM)

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



3

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET



TV9
[\[Pautan\]](#)

PENGENALAN

KUALA LUMPUR: Baru-baru ini, satu video pendek telah tular di media sosial mengenai tindakan seorang juruiring bermotosikal **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** yang mengarahkan sebuah kenderaan berat untuk berhenti secara tiba-tiba. Rata-rata pengguna media sosial menyifatkan tindakan juruiring tersebut sebagai berbahaya kerana kenderaan berat memerlukan jarak yang sesuai untuk memberhentikan kenderaan.

BADAN ARTIKEL

Berhubung tindakan juruiring terbabit, pihak **Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) PDRM** telah menyerahkan kes berkenaan kepada **PDRM Kuala Lumpur** untuk menjalankan siasatan. **Ketua Polis Kuala Lumpur Komisioner Polis (CP) Dato' Allaudeen bin Abdul Majid** pula memaklumkan bahawa **Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM** telah diarahkan untuk menjalankan siasatan dan mengambil tindakan lanjut terhadap juruiring yang terlibat.

KESIMPULAN

Tindakan berbahaya seorang juruiring bermotosikal **PDRM** yang mengarahkan sebuah kenderaan berat untuk berhenti secara tiba-tiba pada Selasa lepas telah menarik perhatian orang ramai setelah video kejadian itu ditularkan melalui media sosial. **Ketua Polis Kuala Lumpur CP Dato' Allaudeen bin Abdul Majid** memaklumkan bahawa kes tersebut telah diserahkan kepada **JIPS PDRM** untuk disiasat.

SPOKESPERSON

Ketua Polis Kuala Lumpur Komisioner Polis (CP) Dato' Allaudeen bin Abdul Majid

PIHAK BERKEPENTINGAN

KDN & Agensi

1. **PDRM**

Pihak Sekunder

Tiada

SENTIMEN

RUMUSAN ARTIKEL



2

JUMLAH
LIPUTAN
MEDIA BERITA

OUTLET



Berita Harian
[\[Pautan\]](#)



Sabah Media
[\[Pautan\]](#)

PENGENALAN

SANDAKAN: **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)** menggagalkan cubaan menyeludup keluar minyak masak selepas menahan bot dengan membawa muatan sebanyak 510 paket minyak masak bersubsidi Ahad lalu. Bot yang berdaftar atas lesen kargo itu ditemui terdampar apabila pengendalinya dipercayai melarikan diri selepas menyedari kehadiran anggota **APMM Sandakan** di pesisir pantai Pulau Berhala pada jam 10.20 malam.

BADAN ARTIKEL

Pengarah APMM Sandakan Kapten Maritim Zainudin bin Mohd Zuki berkata, bot yang ditemui tanpa pemilik itu dipercayai dibiarkan di situ selepas menyedari kehadiran **APMM** melakukan rondaan di sekitarnya. Jelas beliau, hasil pemeriksaan mendapati bot berkenaan membawa muatan 30 kotak besar berisi 510 paket minyak masak bersubsidi seberat satu kilogram (kg) setiap satu. Semua minyak masak paket itu disyaki untuk diseludup keluar ke negara jiran. Tambah beliau, anggaran keseluruhan rampasan termasuk minyak masak bersubsidi, bot dan enjin sangkut bernilai RM11,000.

KESIMPULAN

